

## WAQAF DAN IBTIDĀ': PENELITIAN TERHADAP KAEDEAH ASAS DALAM PENENTUAN TEMPAT WAQAF DAN IBTIDĀ'

Fikri Ihsan Khairuddin,

Ahmad Saufi Misran,

Abdusyahid Riddzwan,

Haneefa Shahrom

[ahmadfikrihsan@kuim.edu.my](mailto:ahmadfikrihsan@kuim.edu.my)

Fakulti Keilmuan Islam, Kolej Universiti Islam Melaka

### Article history:

Received : 17 June 2021

Accepted : 20 July 2021

Published : 19 November 2021

### Abstrak

Waqaf dan ibtidā' merupakan salah satu tajuk yang penting di dalam ilmu tajwid. Para pembaca al-Quran dituntut untuk mempelajarinya kerana kesalahan dalam penentuan tempat waqaf dan ibtidā' boleh menyebabkan perubahan pada makna ayat al-Quran. Namun begitu, tempat waqaf dan ibtidā' tidak dapat ditentukan melainkan setelah mengetahui kaedah-kaedah asas yang diguna oleh para ulama dalam menentukan tempat waqaf dan ibtidā'. Justeru, penulisan ini bertujuan untuk membuat satu penelitian terhadap kaedah asas dalam menentukan tempat waqaf dan ibtidā'. Kajian dibuat berdasarkan penelitian terhadap kaedah yang diguna oleh para ulama dalam menentukan tempat waqaf dan ibtidā' di dalam kitab-kitab mereka. Kajian mendapati bahawa dalam menentukan tempat waqaf dan ibtidā', para ulama membuat penelitian terhadap empat perkara iaitu kaitan antara kalimah dari segi lafadz, kaitan antara kalimah dari segi makna, perbezaan qiraat dan akhir ayat. Dengan ini, para pembaca al-Quran dapat mengetahui kaedah para ulama dalam menentukan tempat waqaf dan ibtidā' di dalam al-Quran di samping dapat berusaha untuk mengelakkan daripada berlaku kesalahan dalam bacaan al-Quran.

**Kata kunci:** Waqaf ibtidā', kaedah asas, ilmu, penentuan tempat

## WAQF AND IBTIDĀ': A RESEARCH ON BASIC METHODS IN DETERMINING THE PLACE OF WAQF AND IBTIDĀ'

### Abstract

Waqf and ibtidā' are one of the important topics in the science of tajwid. The readers of the Qur'an are required to study it because errors in determining the place of waqf and ibtidā' can cause changes in the meaning of the verses of the Qur'an. However, the place of waqf and ibtidā' cannot be determined except after knowing the basic rules used by the scholars in determining the place of waqf and ibtidā'. Thus, this paper aims to make an examination of the basic methods in determining the place of waqf and ibtidā'. The study was made based on an examination of the basic methods used by the scholars in determining the place of waqf and ibtidā' in their books. The study found that in determining the place of waqf and ibtidā', the scholars made research on four things, namely the relationship between the words in terms of pronunciation, the relationship between the words in terms of meaning, the difference between qiraat and the end of the verse. With this, the readers of the Qur'an can know the method of the scholars in determining the place of waqf and ibtidā' in the Qur'an in addition to trying to avoid errors in the recitation of the Qur'an.

**Keywords:** Waqf ibtidā', basic methods, knowledge, place determination

## PENGENALAN

Allah SWT telah menurunkan al-Quran kepada hamba-Nya untuk dijadikan peringatan. Tujuan utama penurunan al-Quran adalah untuk tadabbur bagi memahami maknanya. Hal ini kerana sesuatu peringatan daripada al-Quran tidak dapat diperolehi melainkan setelah memahami maknanya. Di antara cara untuk memahami al-Quran adalah dengan mengetahui kaedah untuk waqaf dan ibtidā'. Apabila seseorang pembaca al-Quran tidak mengambil berat tentang waqaf dan ibtidā' dan berhenti sebelum sempurna makna ayat al-Quran, maka ketika itu boleh menyebabkan pembaca al-Quran secara tidak sedar telah mengakibatkan perubahan pada makna ayat al-Quran.

Oleh yang demikian, waqaf dan ibtidā' merupakan satu bab yang penting dalam ilmu tajwid. Kesalahan dalam penentuan tempat waqaf dan ibtidā' boleh menyebabkan penyelewengan pada ayat al-Quran iaitu makna yang bukan seperti yang dinyatakan oleh Allah SWT. Jika dirujuk kitab-kitab tajwid memang terdapat satu bab yang membincangkan khusus tentang waqaf dan ibtidā'. Paling kurang akan membincangkan tentang maksud simbol-simbol waqaf di dalam mushaf al-Quran.

Para ulama qurra' mempelajari kaedah untuk waqaf dan ibtidā' di dalam al-Quran dan mereka tidak akan memberikan *ijazah* kepada pelajar melainkan setelah mengetahui kaedah waqaf dan ibtidā' di dalam al-Quran (Al-Jazari, 2014). Kepentingannya hingga sampai tahap Saidina Ali RA meletakkan ia sebagai sebahagian daripada bacaan tartil yang kita dituntut untuk membacanya. Beliau ketika ditanya berkenaan maksud ayat:

[4: وَرَأَلِلْفَرَّاءَنَ تَرْتِيلًا [المَرْمَلَ]

Maksudnya: "Dan bacalah Al-Quran dengan Tartil". (Surah al Muzzammil:4)

Beliau menjawab: "Tartil ialah memperelokkan sebutan huruf dan mengetahui tempat waqaf." (Al-Jazari, 1985).

Ilmu waqaf dan ibtidā' dibina atas dasar ijтиhad mengikut lafadz dan makna ayat al-Quran. Oleh sebab itu, terdapat khilaf dalam kalangan para ulama pada menentukan tempat waqaf. Namun demikian, ijтиhad memerlukan kepada ilmu yang cukup dan kaedah-kaedah yang tertentu supaya tempat waqaf merupakan tempat yang sesuai dengan makna ayat al-Quran. Demikianlah kata Ibnu Mujahid: "Tidak sempurna waqaf di dalam al-Quran melainkan orang yang alim dalam ilmu nahu, ilmu qiraat, ilmu tafsir, ilmu penceritaan di dalam al-Quran dan perkaitannya antara satu sama lain, dan memahami ilmu bahasa Arab yang al-Quran diturunkan dalam bahasa tersebut." (al-Nahḥās, 1992)

Jika diperhatikan di dalam al-Quran, terdapat ayat al-Quran yang panjang dan padanya tiada simbol waqaf. Jadi pembaca al-Quran terpaksa memilih tempat waqaf memandangkan manusia perlu bernafas pada setiap ketika. Oleh sebab itu, pembaca al-Quran perlu mempelajari kaedah asas untuk memilih tempat waqaf dan ibtidā' yang sesuai bagi mengelakkan daripada berlaku kesalahan dalam pemilihan tempat waqaf dan ibtidā' di samping dapat mengetahui kaedah yang digunakan oleh ulama dalam menentukan tempat waqaf dan ibtidā' di dalam mushaf al-Quran.

## ISTILAH YANG SERING DIGUNAKAN DALAM PERBAHASAN WAQAF DAN IBTIDĀ'

### 1. Waqaf / Al-Waqf (الوقف)

Waqaf ialah berhenti seketika bacaan, mengambil nafas dan berniat untuk sambung lagi bacaan (Al-Jazari, 1985). Sebagai contoh menghentikan bacaan pada kalimah (الْحَمْدُ لِلَّهِ) di dalam ayat (الْعَلَمَيْنِ) (ربِّ الْعَالَمَيْنِ). Kemudian sambung bacaan dengan memulakan dengan kalimah (الرَّحْمَنُ) (الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ) di dalam ayat (الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ).

Sebaik-baik tempat waqaf ialah ialah pada kalimah yang tiada kaitan dengan kalimah selepasnya sama ada dari segi lafadz atau makna. Namun begitu, boleh juga berhenti pada kalimah yang ada kaitan dari segi makna walaupun tiada kaitan dari segi lafadz. Perbahasan secara terperinci akan dinyatakan di dalam bab jenis-jenis waqaf selepas ini.

### 2. Qaṭa'/ Al-Qat'u (القطع)

Qaṭa' ialah berhenti terus bacaan, mengambil nafas dan berniat untuk mengakhiri bacaan (Salih, 2014). Sebagai contoh menghentikan bacaan pada kalimah (وَلَا أَضَالَّيْنِ) di dalam ayat (صِرَاطُ الَّذِينَ أَنْعَمْتَ) (عَلَيْهِمْ غَيْرُ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا أَضَالَّيْنِ) dan mengakhiri bacaan pada ayat tersebut.

Sebaik-baik tempat qaṭa' ialah pada kalimah yang tiada kaitan dengan kalimah selepasnya sama ada dari segi lafadz atau makna. Sangat tidak sesuai apabila seseorang menghentikan bacaan pada kalimah yang ada kaitan dari segi lafadz dan makna atau dari segi makna sahaja.

### 3. Saktah/ Al-Sakt (السكت)

Saktah ialah menghentikan bacaan tanpa mengambil nafas dan sambung balik bacaan (Al-Jazari, 2014). Saktah bagi riwayat Hafs 'an 'Āsim hanya dibaca pada enam tempat sahaja di dalam al-Quran (Suwaïd, 2019). Tempat tersebut ialah:

- 1) Surah al-Kahfi ayat 1-2  
*لَيْبَرَ بَأْسَا شَدِيدًا مَن لَدُنَّهُ الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَنْزَلَ عَلَى عِنْدِهِ الْكِتَابَ وَلَمْ يَجْعَلْ لَهُ عَوْجَانًا (1) قَيْمًا أَنَّ لَهُمْ أَجْرًا حَسَنًا (2) [الكهف:1-2] وَيُبَشِّرُ الْمُؤْمِنِينَ الَّذِينَ يَعْمَلُونَ الصَّلَاحَ*
- 2) Surah Yāsīn ayat 52  
*وَصَدَقَ الْمُرْسَلُونَ [يس:52] قَالُوا يُؤْلِنَا مَنْ بَعَثَنَا هَذَا مَا وَعَدَ الْرَّحْمَنُ*
- 3) Surah al-Qiyāmah ayat 27  
*وَقَبِيلٌ مَنْ زَاقِ [القيمة:27]*
- 4) Surah al-Mutaffifin ayat 14  
*كَلَّا بِلَ رَانَ عَلَى قُلُوبِهِمْ مَا كَانُوا يَكْسِبُونَ [المطففين:14]*
- 5) Surah al-Hāqqah ayat 28-29  
*مَا أَعْنَى عَنِي مَالِيَةُ (28) هَلَكَ عَنِي سُلْطَنِيَةُ (29) [الحاقة:28-29]*
- 6) Akhir surah al-Anfal dan awal surah al-Taubah  
*وَالَّذِينَ ءامَنُوا مِنْ بَعْدِ وَهَاجَرُوا وَجْهُهُمْ فَإِذَا لَمْ يَكُنْ مُنْكَرٌ وَأَولُوا الْأَرْحَامَ بَعْضُهُمْ أَوْلَى بِبَعْضٍ بِرَأْءَةٍ مِنْ أَنَّهُ وَرَسُولُهُ إِلَى الَّذِينَ عَاهَدْتُمْ مِنَ الْمُشْرِكِينَ (1) فِي كِتَبِ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يُكَلِّ شَيْءٍ عَلَيْهِ (75) [الأنفال:75 - التوبة:1]*

### 4. Ibtidā' (الابتداء)

Ibtidā' ialah memulakan bacaan setelah menghentikan bacaan sama ada waqaf atau qatā' (Salih, 2014). Sebagai contoh memulakan bacaan pada kalimah (إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ) di dalam ayat (إِيَّاكَ) setelah menghentikan bacaan pada kalimah (مَالِكَ يَوْمَ الدِّينِ) di dalam ayat (الدِّينِ).

Sebaik-baik tempat ibtidā' ialah pada kalimah yang tiada kaitan dengan kalimah sebelumnya sama ada dari segi lafaz atau makna. Dengan erti kata lain ialah selepas kalimah yang sesuai untuk waqaf. Jika waqaf sesuai, maka ibtidā' juga sesuai.

Berdasarkan kepada pengertian istilah tadi, jelas kepada kita bahawa perkara yang paling penting untuk diketahui ialah tempat waqaf kerana qatā' dan ibtidā' berkait rapat dengan waqaf. Mengetahui tempat waqaf yang sesuai sudah cukup untuk mengetahui tempat qatā' dan ibtidā' yang sesuai. Saktah pula hanya khusus pada tempat-tempat yang tertentu sahaja. Jadi tidak perlu untuk membaskannya.

Oleh sebab itu, para ulama kebanyakannya hanya fokus untuk membincangkan tentang tempat waqaf secara terperinci di dalam kitab-kitab mereka. Terdapat banyak kitab yang membahaskan tentang tempat waqaf di dalam al-Quran. Antaranya ialah:

1. Kitab Idāh al-Waqf wa al-Ibtidā' karangan Ibn al-Anbāri.
2. Kitab al-Qat'u wa al-Litnāf karangan al-Nahhas.
3. Kitab al-Muktafā karangan al-Dāni.
4. Kitab 'Ilal al-Wuqūf karangan al-Sajawandi.
5. Kitab Manār al-Hudā karangan al-Asymūni.

## KAEDAH ASAS DALAM MENENTUKAN TEMPAT WAQAF DAN IBTIDĀ'

Waqaf dan ibtidā' ditentukan melalui ijtihad para ulama. Oleh sebab itu, kita dapat di dalam kitab-kitab yang dikarang berkenaan waqaf dan ibtidā', mereka berbeza pandangan dalam menentukan tempat waqaf dan ibtidā'. Kita juga boleh dapat perbezaan tersebut dengan memerhatikan simbol waqaf yang terdapat di dalam mushaf al-Quran.

Para ulama telah meletakkan garis panduan di dalam kitab-kitab karangan mereka dalam menentukan tempat waqaf dan ibtidā'. Antaranya ialah Ibnu Mujahid, beliau menyatakan, "Tidak sempurna waqaf di dalam al-Quran melainkan orang yang alim dalam ilmu nahu, ilmu qiraat, ilmu tafsir, ilmu penceritaan di dalam al-Quran dan perkaitannya antara satu sama lain, dan memahami ilmu bahasa Arab yang al-Quran diturunkan dalam bahasa tersebut." (al-Nahħas, 1992)

Daripada kata-kata Ibnu Mujahid, jelas bahawa asas-asas yang perlu diketahui dalam menentukan tempat waqaf dan ibtidā' ialah nahu, tafsir dan qiraat. Jika berbeza salah satu daripada

ketiga-tiga perkara tersebut, maka tempat waqaf juga akan berlaku perbezaan (Al-Hamad, 2017). Boleh jadi sesuatu tempat waqaf itu sesuai bagi sesuatu penafsiran, tetapi tidak sesuai bagi penafsiran yang lain. Boleh jadi juga sesuatu tempat waqaf itu sesuai bagi sesuatu *i'rab*, tetapi tidak sesuai bagi *i'rab* yang lain. Boleh jadi juga sesuatu tempat waqaf itu sesuai bagi sesuatu qiraat, tetapi tidak sesuai bagi qiraat yang lain (Al-Jazari, 2014).

Perbezaan tempat waqaf dalam kalangan para ulama termasuk juga pada akhir ayat kerana bukan semua akhir ayat tidak berkait dari segi lafaz dan makna dengan ayat selepasnya. Namun begitu, para salaf dan qurra' kebiasaanwaqaf pada akhir ayat sama ada ayat tersebut telah sempurna atau masih belum sempurna dari segi lafaz dan makna. Menurut al-Qari (2012), waqaf pada akhir ayat merupakan sunnah berdasarkan hadis yang menyatakan bacaan Nabi Muhammad SAW sentiasa waqaf pada setiap akhir ayat. Diriwayatkan oleh Ummu Salamah RA ketika beliau ditanya berkenaan bacaan Nabi Muhammad SAW, lalu beliau berkata:

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُقْطِعُ قِرَاءَتَهُ يَقُولُ {الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ} ثُمَّ يَقْفَ {الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ} ثُمَّ يَقْفَ وَكَانَ يَقْرُؤُهَا {إِلَكِ يَوْمَ الدِّينِ}.

Maksudnya: "Rasulullah SAW kebiasaanwaqaf pada akhir ayat sama ada ayat tersebut telah sempurna atau masih belum sempurna dari segi lafaz dan makna. Kemudian baginda SAW berhenti (dan membaca:) (الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ). Kemudian baginda SAW berhenti dan membaca: (إِلَكِ يَوْمَ الدِّينِ)." (HR al-Tirmizi:2927)

Berdasarkan kata-kata para ulama di atas, dapat difahami bahawa terdapat empat asas penting yang perlu diperhatikan sebelum menentukan tempat waqaf dan ibtidā' di dalam al-Quran. Empat perkara tersebut ialah:

1. Kaitan dari segi lafaz (nahu)
2. Kaitan dari segi makna (tafsir)
3. Perbezaan qiraat
4. Akhir ayat

## 1. Kaitan dari segi lafaz (nahu)

Kaitan dari segi lafaz bermaksud kaitan dari segi *i'rab* antara tempat waqaf dan kalimah selepasnya. Jika ayat itu telah sempurna dan kalimah selepasnya tidak ada kaitan dari lafaz (*i'rab*), maka dibolehkan untuk berhenti di tempat tersebut.

Menurut al-Jazari (1985), pembaca al-Quran perlu untuk menyambung antara *mubtada'* dan *khabar*, *fi'il* dan *fā'il*, *fā'il* dan *maf'ūl*, *badal* dan *mubdal minhu*, *muḍāf* dan *muḍāf ilaih* dan semua yang berkaitan antara satu sama lain. Tidak boleh memisahkan antara kedua-duanya. Sebagai contoh memisahkan *muḍāf* dengan *muḍāf ilaih* iaitu lafaz (يَوْمَ الدِّين) dengan lafaz (الْأَدْيَنِ) di dalam ayat:

(الْأَدْيَنِ) waqaf (يَوْمَ الدِّينِ)

Maksudnya: "Yang Menguasai pemerintahan hari (waqaf) Pembalasan (hari Akhirat)." [Al Fatihah:4]

Apabila pembaca al-Quran berhenti pada kalimah yang tidak sempurna dari segi lafaz, maka maksud ayat juga akan menjadi tidak sempurna sebagaimana contoh di atas. Jika diperhatikan di dalam kitab-kitab tentang waqaf dan ibtidā', para ulama semuanya membincangkan tentang kaitan dari segi lafaz (nahu) untuk menentukan tempat waqaf dan ibtidā'. Hal ini memberi makna bahawa kaitan dari segi lafaz merupakan asas yang paling penting dalam menentukan tempat waqaf dan ibtidā' di dalam al-Quran.

## 2. Kaitan dari segi makna (tafsir)

Kaitan dari segi makna bermaksud kaitan dari segi tafsir atau makna ayat antara tempat waqaf dan kalimah selepasnya. Jika tiada kaitan antara tempat waqaf dan kalimah seterusnya, maka dibolehkan untuk berhenti di tempat tersebut.

Sebagai contoh, pada ayat 1-5 di dalam surah al-Baqarah berkisar tentang sifat-sifat orang mukmin. Kemudian pada ayat 6-7 berkisar tentang sifat-sifat orang kafir. Kemudian pada ayat 8-20 berkisar tentang sifat-sifat orang munafik. Ayat ke-5 dan ke-6 tiada kaitan dari segi makna mahupun lafaz kerana kedua-dua ayat tersebut terpisah mengikut penceritaan tentang sifat-sifat orang mukmin dan orang kafir. Begitu juga pada ayat ke-7 dan ke-8.

Sebahagian para ulama memuatkan perbahasan tafsir di dalam kitab-kitab waqaf dan ibtidā' karangan mereka. Sebagai contoh kitab al-Muktafa karangan al-Dani dan kitab Manār al-Huda karangan al-Asymūni. Hal ini membuktikan bahawa makna atau tafsir sesuatu ayat perlu difahami dalam menentukan tempat waqaf dan ibtidā'.

### 3. Perbezaan qiraat

Antara perkara yang perlu diperhatikan juga dalam menentukan tempat waqaf ialah perbezaan qiraat dalam sesuatu ayat. Perbezaan qiraat sebahagiannya akan memberi kesan kepada lafaz dan makna ayat. Justeru itu, ia boleh menyebabkan perubahan pada penentuan tempat waqafnya.

Oleh sebab itu, terdapat ayat yang mempunyai perbezaan qiraat berbeza pada tempat waqafnya. Sesuatu tempat waqaf mungkin sesuai pada sesuatu qiraat, namun tidak sesuai pada qiraat yang lain (Al-Jazari, 2014). Sebagai contoh pada ayat:

**إِنَّمَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ إِلَّا مَا فِي أَنْفُسِكُمْ أَوْ ثُخْنَةٌ يُحَاسِبُكُمْ بِهِ اللَّهُ يَعْلَمُ مِنْ يَشَاءُ وَإِنَّمَا عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدْرٌ**

Maksudnya: “Segala yang ada di langit dan yang ada di bumi adalah kepunyaan Allah. Dan jika kamu melahirkan apa yang ada di dalam hati kamu atau kamu memyembunyikannya, nescaya Allah akan menghitung dan menyatakan kepada kamu. Kemudian Ia mengampunkan bagi sesiapa yang dikehendakiNya dan menyeksa sesiapa yang dikehendakiNya (menurut undang-undang peraturanNya) Dan (ingatlah), Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.” [Surah al-Baqarah:284]

Menurut Al-Jazari (2014), terdapat dua bacaan qiraat dalam ayat ini:

1. Nafi’, Ibnu Kathir, Abu ‘Amru, Hamzah dan al-Kisaie membaca dengan *jazam* pada dua kalimah *fi’il* (بِعَنْتَ) dan *يَعْلَمُ* (يَعْلَمُ).
2. Ibnu ‘Amir dan ‘Asim membaca dengan *rafa’* pada dua kalimah *يَعْلَمُ* (يَعْلَمُ) dan *يَعْقُلُ* (يَعْقُلُ).

Perbezaan qiraat tersebut telah menyebabkan perbezaan pada penentuan tempat waqaf. Qurra’ yang membaca dengan *jazam* tidak boleh berhenti pada lafaz *al-Jalālah* (الْجَلَالَةُ) kerana dua kalimah *fi’il* tersebut merupakan *jawab syarat* kepada (وَإِنْ تُبْثُوْا) dan dibenarkan waqaf pada kalimah (يَشَاءُ). Manakala qurra’ yang membaca dengan *rafa’* dibolehkan waqaf pada lafaz *al-Jalālah* (الْجَلَالَةُ) kerana selepasnya merupakan *isti’nāf* atau permulaan ayat baru (Al-Dāni, 2001). Dalam hal ini, kita dapat perbezaan qiraat juga penting untuk diketahui dalam menentukan tempat waqaf di dalam al-Quran.

### 3. Akhir ayat

Akhir ayat ialah kalimah yang terletak pada akhir ayat. Jika diperhatikan di dalam mushaf al-Quran, pada akhir ayat diletakkan simbol bulatan yang mengandungi nombor ayat (۱۱). Akhir ayat juga merupakan satu asas yang penting dalam menentukan tempat waqaf dan *ibtidā’*.

Perlu diketahui bahawa bukan semua akhir ayat merupakan tempat yang tiada kaitan dengan ayat selepasnya dari segi lafaz dan makna. Namun begitu, ia dibolehkan untuk berhenti bacaan kerana ia sunnah Nabi SAW (Suwaïd, 2019). Contohnya ayat 4 surah Al-Ma’ūn:

(الَّذِينَ لَمْ يَعْلَمُوا مَنْ صَلَّتْهُمْ سَاطُونَ لَمْصَلَّيْنَ)

Maksudnya: “Maka kecelakaan besar bagi orang-orang yang sembahyang.” (**waqaf**) “laitu mereka yang berkeadaan larai daripada menyempurnakan sembahyangnya.” [Surah al Ma’ūn:4-5]

Ayat ini ada kaitan rapat dengan ayat selepasnya dari segi lafaz dan makna. Oleh sebab itu, waqaf pada ayat ini boleh menyebabkan perubahan pada makna asal ayat tersebut. Walau bagaimanapun ia dibenarkan untuk waqaf kerana akhir ayat. Namun tidak boleh untuk berhenti terus bacaan (*qaṭa’*) kerana ayat selepas itu masih berkait rapat dengan sebelumnya iaitu menerangkan perihal orang-orang solat yang mendapat kecelakaan. Kesimpulannya, dibolehkan untuk berhenti bacaan pada setiap akhir ayat kerana sunnah Nabi SAW waqaf pada setiap akhir ayat walaupun tidak sempurna dari segi lafaz dan makna.

Secara umumnya, penelitian perlu dilakukan terhadap kaitan dari segi lafaz dan makna, perbezaan qiraat dan akhir ayat sebelum menentukan tempat waqaf dan *ibtidā’*. Dengan penelitian terhadap aspek-aspek ini, kita dapat mengetahui sama ada sesuatu tempat sesuai untuk diberhentikan bacaan atau tidak sesuai mengikut jenis-jenis waqaf yang diterangkan selepas ini.

### JENIS-JENIS WAQAF

Waqaf dibahagikan kepada empat bahagian iaitu waqaf al-Ikhtibāri, waqaf al-Intīzāri, waqaf al-Iḍīrāri dan waqaf al-Ikhtiyāri. Waqaf yang ingin diperbincangkan di sini ialah waqaf al-Ikhtiyāri. Waqaf al-Ikhtiyāri ialah tempat waqaf yang dipilih sendiri oleh pembaca al-Quran tanpa ada sebarang darurat

yang terpaksa diberhentikan bacaan seperti bersin, batuk, terkejut dan seumpama dengannya (Salih, 2014).

Waqaf al-Ikhtiyāri merupakan bahagian yang paling penting untuk diperbahaskan memandangkan kita mempunyai pilihan sendiri dalam menentukan tempat waqaf. Ulama berbeza pendapat pada bilangan jenis waqaf al-Ikhtiyāri. Namun pendapat yang masyhur yang dipegang oleh Imam al-Dani dan Imam Ibnu al-Jazari ialah pendapat yang menyatakan waqaf al-Ikhtiyāri ada empat jenis iaitu tam, kafi, hasan dan qabih.

## 1. Waqaf Tām

Waqaf Tām ialah tempat berhenti yang sempurna dari segi lafaz dan makna. Hukumnya ialah boleh berhenti bacaan dan mula pada perkataan seterusnya (Al-Dāni, 2001). Waqaf tam berlaku pada pengakhiran cerita. Contohnya pengakhiran cerita orang mukmin dan masuk kepada cerita orang kafir di dalam surah al-Baqarah ayat 5 dan 6:

(5) إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْ رَبِّهِمْ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ (waqaf tām)  
(6) سَوَاءٌ عَلَيْهِمْ أَنْذَرْتَهُمْ أَمْ لَمْ تُنذِرْهُمْ لَا يُؤْمِنُونَ

Maksudnya: “Mereka itulah yang tetap mendapat petunjuk dari Tuhan mereka, dan mereka lah orang-orang yang berjaya. (5) (waqaf tām) Sesungguhnya orang-orang kafir, sama sahaja kepada mereka: sama ada engkau beri amaran kepadanya atau engkau tidak beri amaran, mereka tidak akan beriman. (6)” [Surah al-Baqarah:5-6]

Asas kepada waqaf tam adalah daripada hadis Nabi SAW:

عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ أَثَانِي جِبْرِيلُ وَمِيكَائِيلُ عَلَيْهِمَا السَّلَامُ فَقَالَ عَنْ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ أَبِي بَكْرَةِ عَنْ أَبِيهِ أَفْرُوا الْقُرْآنَ عَلَى حَرْفٍ وَاحِدٍ فَقَالَ مِيكَائِيلُ اسْتَرْدِهْ فَلَمْ أَفْرُأْهُ عَلَى سَبْعَةِ أَحْرَفٍ فِي كُلِّهَا شَافِ كَافِ مَا لَمْ تُخْتِنْ أَيْهَا رَحْمَةً بِعَذَابٍ أَوْ أَيْهَا عَذَابٍ بِرَحْمَةٍ

Maksudnya: Daripada Abdurrahman bin Abu Bakrah, daripada ayahnya daripada Nabi SAW, baginda bersabda, “Aku pernah didatangi Jibril dan Mikail AS”. Jibril AS berkata; “Bacalah al-Quran dengan satu huruf.” Mikail AS lantas berkata, “Mintalah supaya ditambah.” Jibril kemudian berkata, “Bacalah dengan tujuh huruf kerana semuanya dapat menyembuhkan dan mencukupi, selama ayat rahmat tidak diakhiri dengan azab atau ayat azab dengan ayat rahmat.” (HR Ahmad:20425)

Hadis ini menunjukkan bahawa Nabi SAW mempelajari kaedah waqaf tam dengan malaikat Jibril AS. Jibril AS mengajar Nabi SAW supaya memisahkan ayat yang menceritakan tentang syurga atau pahala dengan ayat yang menceritakan tentang neraka atau dosa. Begitu juga sebaliknya (Al-Jazari, 1985).

Secara ringkasnya, waqaf tam ialah tempat waqaf yang dibolehkan untuk berhenti dan dimulakan pada kalimah seterusnya kerana tidak ada perkaitan dari segi lafaz dan makna. Berhenti pada tempat ini lebih baik daripada menyambung bacaan.

## 2. Waqaf Kāfi

Waqaf Kāfi ialah tempat berhenti yang sempurna dari segi lafaz dan tidak sempurna dari segi makna. Hukumnya ialah boleh berhenti bacaan dan mula pada kalimah seterusnya (Al-Dāni, 2001). Menurut Salih (2014) kebanyakan waqaf di dalam al-Quran merupakan waqaf kāfi. Contoh waqaf kāfi di dalam surah al-Baqarah ayat 10:

(6) وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ فِي قُلُوبِهِمْ مَرَضٌ فَرَادَمُ اللَّهُ مَرَضًا (waqaf kāfi)  
إِنَّمَا كَانُوا يَكْذِبُونَ

Maksudnya: “Dalam hati mereka (golongan yang munafik itu) terdapat penyakit (syak dan hasad dengki), maka Allah tambahkan lagi penyakit itu kepada mereka; (waqaf kāfi) dan mereka pula akan beroleh azab seksa yang tidak terperi sakitnya, dengan sebab mereka berdusta (dan mendustakan kebenaran).” [Surah al-Baqarah:10]

Tempat waqaf iaitu (merasak) telah sempurna dari segi lafaz tetapi belum sempurna dari segi makna. Ayat selepasnya masih lagi menceritakan perkara yang sama dengan sebelumnya. Maka ia dikira sebagai waqaf kāfi.

Asas kepada waqaf kāfi ialah sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu Mas'ud RA:

قَالَ لِي النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَفْرُأُ عَلَيَّ فُلْثٌ يَا رَسُولَ اللَّهِ أَفْرُأُ عَلَيَّ فُلْثٌ أَنْزَلَ اللَّهُ عَلَيَّ فَقَرَأَتْ سُورَةً عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مَسْعُودٍ قَالَ حَسِبْنَاكَ الْأَنَّ فَالْفَقَثُ إِلَيْهِ فَإِذَا { فَكَيْفَ إِذَا جِئْنَا مِنْ كُلِّ أَمَّةٍ بِشَهِيدٍ وَجِئْنَا بِكَ عَلَى هُوَ لَاءُ شَهِيدًا } الْإِنْسَانُ حَتَّىٰ أَتَيْتُ إِلَيْهِ هَذِهِ الْأَيْةِ عَيْنَاهُ تَدْرُ فَان

Maksudnya: Daripada Abdullah bin Mas'ud RA dia berkata; Nabi SAW pernah bersabda kepadaku, “Bacakanlah al-Quran untukku.” Maka aku pun berkata, “Wahai Rasulullah, apakah aku akan

membacanya untuk kamu, padahal kepada kamulah al-Quran diturunkan?" Baginda menjawab, "Ya." Lalu aku pun membacakan surah Al-Nisā' hingga aku sampai pada ayat, "Dan bagaimanakah sekiranya Kami mendatangkan manusia dari seluruh umat dengan seorang saksi, lalu kami mendatangkanmu sebagai saksi atas mereka." Maka baginda pun bersabda padaku, "Cukuplah." Lalu aku menoleh ke arah baginda dan ternyata kedua matanya menitiskan air mata. (HR al-Bukhari:5050) Berdasarkan hadis ini, dapat difahami Nabi SAW menyuruh Ibnu Mas'ud RA untuk menghentikan bacaan pada tempat yang masih belum sempurna ayat dari segi maknanya. Ayat selepasnya ialah ayat: يَوْمَنِ يَوْمَ الْذِينَ كَفَرُوا وَعَصَوْا لِرَسُولٍ لَّهُ شَوَّأْتِ بِهِمُ الْأَرْضُ وَلَا يَكُونُونَ لِهُمْ حَدِيبًا

Maksudnya: "Pada hari itu orang-orang yang kafir dan menderhaka kepada Rasulullah, suka jika mereka disama ratakan dengan tanah (ditelan bumi), dan (ketika itu) mereka tidak dapat menyembunyikan sepatah kata pun dari pengetahuan Allah." [Al-Nisa':42]

Ayat ini masih lagi menceritakan tentang perkara yang sama dengan sebelumnya. Hal ini menjadi dalil bahawa dibolehkan untuk waqaf pada waqaf kafi walaupun kalimah selepasnya masih lagi berkait dengan sebelumnya dari segi makna.

Ringkasnya, waqaf kafi ialah tempat waqaf yang dibolehkan untuk berhenti dan dimulakan pada kalimah seterusnya kerana tidak ada perkaitan dari segi lafaz, tetapi masih berkait dari segi makna. Menyambung bacaan pada tempat ini lebih baik daripada berhenti bacaan.

### 3. Waqaf Hasan

Waqaf Hasan ialah tempat berhenti yang belum sempurna dari segi lafaz dan makna, tetapi ayat tersebut telah difahami maksudnya (Al-Dāni, 2001). Hukumnya terbahagi kepada dua:

- 1) Jika tempat waqaf tersebut bukan pada akhir ayat, maka boleh berhenti bacaan tetapi perlu ulang beberapa kalimah sebelum itu. Beberapa kalimah itu bergantung pada kesesuaian maksud ayat jika dimulakan di tempat itu. Contohnya di dalam surah al-Taubah ayat 12:

فَقَاتَلُوا أَئِمَّةً وَإِنْ تَكُونُوا أَئِمَّهُمْ مَنْ يَعْدُ عَدَهُمْ وَطَعَوْا فِي دِينِكُمْ  
لَطَّاهُمْ يَنْتَهُونَ ( إِنَّهُمْ لَا يَأْتُنَّ لَهُمْ الْكُفَّارُ )  
(waqaf hasan)

Maksudnya: "Dan jika mereka mencabuli sumpahnya sesudah mengikat perjanjian setia, dan mereka pula mencela ugama kamu, maka perangilah ketua-ketua dan pemimpin-pemimpin kaum yang kafir itu, (**waqaf hasan**) kerana sesungguhnya mereka tidak menghormati sumpah janjinya, supaya mereka berhenti (dari kekufuran dan bertaubat)." [Surah al-Tawbah:12]

- 2) Jika tempat waqaf tersebut pada akhir ayat, maka boleh berhenti bacaan dan mula pada kalimah seterusnya. Tidak perlu ulang balik beberapa kalimah. Contohnya di dalam surah al-Fatiyah ayat 2:

الْرَّحْمَنُ الْرَّحِيمُ (3) (الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ (2)  
(waqaf hasan)

Maksudnya: "Segala puji tertentu bagi Allah, Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan sekalian alam. (2) (**waqaf hasan**) Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani." [Surah al-Fatiyah:2-3]

Namun jika akhir ayat tersebut berkait dengan ayat seterusnya sehingga menyebabkan perubahan pada makna ayat, maka sebaiknya untuk menyambung bacaan. Sebagai contoh:

(الَّذِينَ هُمْ عَنْ صَلَاتِهِمْ سَاءُونَ (2) (فَوْلَيْلَلْمُصْلِيْنَ (1)  
(waqaf hasan)

Maksudnya: "Maka kecelakaan besar bagi orang-orang yang sembahyang." (**waqaf**) "laitu mereka yang berkeadaan larai daripada menyempurnakan sembahyangnya." [Surah al-Ma'ūn:4-5]

Dibenarkan juga untuk berhenti bacaan kerana ia akhir ayat. Namun tidak dibenarkan untuk berhenti terus (*qata'*) bacaan (Al-Marsafi, 2008).

Kesimpulannya, dibolehkan untuk berhenti bacaan pada waqaf hasan, tetapi tidak mulakan bacaan pada kalimah seterusnya kerana tempat tersebut belum sempurna dan masih berkait dari segi lafaz dan makna dengan kalimah seterusnya. Jadi perlu ulang balik bacaan pada beberapa perkataan sebelumnya yang sesuai untuk dimulakan. Namun jika waqaf hasan berada di akhir ayat, maka dibolehkan berhenti dan dimulakan pada kalimah seterusnya.

#### 4. Waqaf Qabih

Waqaf Qabih ialah tempat berhenti yang tidak sempurna lafaz dan makna. Berhenti di tempat tersebut boleh menyebabkan perubahan pada makna asal sesuatu ayat atau ayat tersebut tidak dapat difahami maksudnya dengan baik (Al-Dāni, 2001). Hukumnya ialah tidak boleh berhenti bacaan. Dikecualikan ketika keadaan yang terpaksa diberhentikan bacaan seperti terbatuk, bersin, atau apa-apa sahaja keadaan yang kita tidak dapat dikawal. Apabila terpaksa berhenti, maka perlu dimulakan bacaan dengan mengulang beberapa kalimah sebelumnya yang sesuai dengan maksud ayat (Al-Marsafi, 2008). Contoh waqaf qabih ialah di dalam surah al-An'am ayat 36:

ثُمَّ إِلَيْهِ يُرْجَعُونَ ( يَبْعَثُهُمُ اللَّهُ إِلَيْنَا يَسْتَجِيبُ الَّذِينَ يَسْمَعُونَ وَالْمُؤْمَنُ )  
waqaf qabih

Maksudnya: "Hanyasanya orang-orang yang menyahut seruanmu itu ialah mereka yang mendengar (yang mahu menurut kebenaran); dan orang-orang yang mati (**waqaf qabih**) Allah bangkitkan mereka semula (pada hari kiamat kelak), kemudian mereka dikembalikan kepadaNya untuk menerima balasan." [Surah al-An'am:36]

Asas kepada larangan untuk berhenti bacaan pada waqaf qabih ialah hadis Nabi SAW:

عَنْ عَدِيِّ بْنِ حَاتِمٍ قَالَ تَشَهَّدَ رُجُلٌ عِنْدَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ أَحَدُهُمَا مِنْ يُطْعَنُ اللَّهُ وَرَسُولُهُ فَقَدْ رَشِدَ وَمَنْ يَغْصِبُهُمَا (الوقف)  
فَقَدْ غَوَى فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُسَنُّ الْحَطِيبُ لَئِنْ

Maksudnya: Daripada Adi bin Hatim, dia berkata: terdapat dua orang lelaki yang mengucapkan kalimah penyaksian di sisi Nabi SAW. Salah seorang di antara mereka mengucapkan: "Sesiapa yang mentaati Allah dan rasul-Nya, maka akan diberi petunjuk dan sesiapa yang derhaka kepada keduanya (waqaf), maka akan sesat." Maka Rasulullah SAW bersabda, "Seburuk-buruk orang yang bercakap adalah kamu." (HR al-Nasaie:3279)

Hadis ini menunjukkan larangan Nabi SAW untuk berhenti pada tempat yang tidak sempurna lafaz dan maknanya. Orang yang bercakap di dalam hadis ini berhenti pada kalimah (ومن يعصهما), lalu menyebabkan berlaku salahfaham. Perhatikan ayat ini, "Sesiapa yang taat kepada Allah dan rasulnya akan diberi petunjuk. Begitu juga bagi sesiapa yang derhaka kepada Allah dan rasulnya." Orang yang mendengar akan memahami bahawa orang yang derhaka kepada Allah dan rasulnya juga akan diberikan petunjuk (Al-Jazari, 1985). Ini menjadi dalil bahawa tidak boleh berhenti pada tempat yang tidak sempurna lafaz dan makna kerana ia akan menyebabkan berlaku salahfaham dalam memahami sesuatu ayat terutama sekali jika ayat al-Quran.

Antara tanda-tanda waqaf qabih adalah seperti berikut:

##### 1. Tidak mengandungi sesuatu makna

Sebagai contoh waqaf pada *mudāf* tanpa *mudāf ilaih* seperti waqaf pada lafaz (بسْمِ) di dalam ayat: (الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ)  
waqaf qabih

Maksudnya: "Dengan nama (**waqaf qabih**) Allah, Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani." [Al-Fatihah:1]

##### 2. Mendatangkan makna yang salah

Sebagai contoh waqaf pada lafaz yang tidak sempurna maknanya seperti waqaf pada lafaz (الصلوة) di dalam ayat:

(...) وَأَنْتَمْ سُكَرَى حَتَّىٰ تَعَلَّمُوا مَا تَقُولُونَ يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءامَنُوا لَا تَقْرُبُوا الْصَّلَاةَ  
waqaf qabih

Maksudnya: "Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu mengerjakan sembahyang (**waqaf qabih**) ketika kamu dalam keadaan mabuk, sehingga kamu sedar dan mengetahui akan apa yang kamu katakan..." (Surah al-Nisā':43)

Waqaf seperti ini akan menimbulkan salah faham dan persoalan seperti "adakah ayat ini melarang untuk menuaikan solat?".

##### 3. Merosakkan makna sehingga mendatangkan makna yang tidak beradab dengan Allah SWT

Sebagai contoh waqaf pada lafaz (إِلَهٖ) di dalam ayat di bawah boleh membawa maksud seolah-olah menafikan kewujudan Allah SWT:

(...) وَأَنْتَمْ كُفَّارٌ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ  
waqaf qabih

Maksudnya: "Oleh itu, maka tetapkanlah pengetahuanmu dan keyakinanmu (wahai Muhammad) bahawa sesungguhnya tiada Tuhan (**waqaf qabih**) yang berhak disembah melainkan Allah."

(Surah Muhammad:19)

Namun begitu perlu diketahui bahawa jika waqaf qabih dilakukan oleh pembaca al-Quran secara tidak sengaja seperti tidak memahami makna ayat al-Quran, maka dia tidaklah berdosa. Walaupun demikian, ia tetap termasuk dalam satu kesalahan yang perlu dijauhi oleh para pembaca al-

Quran. Disarankan kepada para pembaca al-Quran untuk mempelajari bacaan al-Quran secara bertalaqqi dengan guru supaya selamat daripada berlaku kesalahan.

Kesimpulannya, tidak boleh waqaf pada waqaf qabih kerana tempat waqaf tersebut tidak sempurna dari segi lafaz dan makna. Bahkan ia boleh menyebabkan perubahan pada makna asal sesuatu ayat. Berbeza dengan waqaf hasan, walaupun ia nampak sama iaitu tidak sempurna dari segi lafaz dan makna, tetapi waqaf hasan ayatnya cukup syarat sepotong ayat (*Jumlah Mufidah*) dan dapat difahami dengan baik. Cuma ia masih belum sempurna kerana kalimah selepasnya masih lagi berkait dengan sebelumnya (Salih, 2014).

### JENIS-JENIS IBTIDĀ'

Jenis-jenis ibtidā' terbahagi kepada empat. Sama sahaja dengan jenis-jenis waqaf. Perbahasannya tidak banyak kerana jenis-jenis ibtidā' hanya mengikut kepada jenis-jenis waqaf. Jika waqaf tām, maka ibtidā' pun jadi ibtidā' tām. Jika waqaf kāfti, maka ibtidā' akan jadi ibtidā' kāfti. Jika waqaf qabīh, maka ibtidā' akan jadi ibtidā' qabīh (Al-Ghul, 2002).

Namun jika ibtidā' selepas waqaf hasan, ia terbahagi kepada dua bahagian. Jika waqaf hasan di akhir ayat, maka ibtidā' selepasnya akan jadi ibtidā' hasan. Jika bukan waqaf hasan bukan di akhir ayat, maka ibtidā' selepasnya akan jadi ibtidā' qabīh. Dikecualikan jika diulang beberapa kalimah sebelumnya, maka ibtidā' akan jadi ibtidā' hasan (Al-Ghul, 2002). Perbahasannya tidak begitu banyak seperti waqaf. Oleh sebab itu jika diperhatikan di dalam kitab-kitab berkenaan waqaf dan ibtidā', kebanyakan perbincangannya melibatkan tentang waqaf sahaja.

### SIMBOL-SIMBOL WAQAF DI DALAM QURAN

Mushaf al-Quran pada hari ini telah dilengkapi dengan pelbagai kemudahan untuk membaca al-Quran. Antaranya ialah simbol-simbol waqaf yang diletakkan hasil ijтиhad para ulama. Tujuan utama simbol-simbol waqaf diletakkan adalah untuk memudahkan para pembaca al-Quran berhenti bacaan pada sesuatu tempat terutama sekali pada ayat yang panjang sekaligus mengelakkan daripada berlaku kesalahan dalam pemilihan tempat waqaf.

Terdapat enam simbol waqaf yang diletakkan di kebanyakan mushaf al-Quran pada hari ini. Ia diambil daripada kitab "al-Waqf wa al-Ibtidā'" yang dikarang oleh al-Sajawandi (2001). Cuma satu jenis waqaf ditambah iaitu waqaf *ta'anuq* yang bersimbol (‘◦) dan dua simbol al-Sajawandi seperti simbol (‘) diubah kepada (فَلَمَّا) dan simbol (ج) diubah kepada (صلَّى). Ia diubah supaya mudah difahami oleh para pembaca al-Quran (Al-Hamad, 2017).

Simbol-simbol waqaf yang terdapat di dalam mushaf al-Quran pada hari ini ialah: (Suwaid, 2019)

1. **Waqaf Lazim (—)**: Perlu berhenti bacaan kerana jika sambung bacaan boleh menyebabkan perubahan pada makna ayat.
2. **Waqaf Jaiz Qala (فَلَمَّا)**: Boleh berhenti bacaan dan lebih baik berhenti daripada sambung. (الوقف أَوْلَى)
3. **Waqaf Jaiz Sala (صلَّى)**: Boleh berhenti bacaan dan lebih baik sambung daripada berhenti. (الوصل أَوْلَى)
4. **Waqaf Jaiz Jim (ج)**: Boleh berhenti bacaan dan boleh sambung. (جواز الوقف وجواز الوصل)
5. **Waqaf Ta'anuq (‘◦)**: Boleh berhenti bacaan pada salah satu titik tiga.
6. **Waqaf Mamnu' (لا)**: Tidak boleh berhenti.

Walau bagaimanapun, bukan semua ayat di dalam al-Quran diletakkan simbol waqaf. Terdapat ayat al-Quran yang panjang namun tidak ada simbol waqaf. Justeru itu, seseorang pembaca al-Quran terpaksa berhenti di mana-mana tempat bagi mengambil nafas baru. Hal ini telah menimbulkan satu kesulitan bagi pembaca al-Quran dalam menentukan sendiri tempat waqaf kerana tidak mungkin seseorang dapat menghabiskan satu ayat al-Quran menggunakan satu nafas. Ketika itu dia boleh memilih mana-mana tempat yang dirasakan sesuai untuk berhenti bacaan. Cuma dia perlu memulakan bacaan dengan mengulang balik beberapa kalimah sebelumnya yang sesuai dengan makna ayat. Sebagai contoh:

ذَهَبَ اللَّهُ بِئْرُ هَمٌ (2. ulang balik)  
مَنْتَهُمْ كَمَثْلُ الَّذِي أَسْتَوْقَدَ نَارًا فَلَمَّا أَضَاءَتْ مَا حَوْلَهُ  
وَتَرَكُهُمْ فِي ظُلْمٍ لَا يُبَصِّرُونَ (1. waqaf)

Maksudnya: “*Perbandingan hal mereka (golongan yang munafik itu) samalah seperti orang yang menyalakan api; apabila api itu menerangi sekelilingnya, (2. ulang balik) Allah hilangkan cahaya (yang menerangi) mereka (1. waqaf), dan dibiarkannya mereka dalam gelap-gelita tidak dapat melihat (sesuatu pun).*” (Surah al Baqarah:17)

Kaedahnya ialah:

1. Waqaf pada tempat yang dirasakan sesuai.
2. Memulakan bacaan dengan mengulang balik beberapa kalimah sebelumnya yang sesuai dengan makna ayat.

Namun begitu, pembaca al-Quran yang masih berada di peringkat awal disarankan untuk membaca al-Quran secara bertalaqqi di hadapan guru al-Quran supaya tempat waqaf dan ibtidā' lebih tepat kerana boleh jadi tempat waqaf dan ibtidā' yang dipilih tidak sesuai dengan makna ayat. Apabila seseorang telah mengetahui kaedah waqaf dan ibtidā' yang diajar oleh guru al-Quran, insya-Allah dia dapat mengaplikasikan kaedah tersebut dengan sendirinya.

## RUMUSAN

Kesimpulannya, penulis dapat memberi rumusan bahawa terdapat tujuh kaedah asas dalam penentuan tempat waqaf dan ibtidā'. Tujuh perkara tersebut adalah seperti berikut:

1. Jika sesuatu tempat waqaf tidak berkait dengan kalimah selepasnya sama ada dari segi lafaz atau makna, maka waqaf tersebut merupakan waqaf tam. Dibolehkan untuk berhenti bacaan dan memulakan pada kalimah seterusnya.
2. Jika sesuatu tempat waqaf tidak berkait dengan kalimah selepasnya dari segi lafaz, tetapi berkait dari segi makna, maka waqaf tersebut merupakan waqaf kafi. Dibolehkan untuk berhenti bacaan dan memulakan pada kalimah seterusnya.
3. Jika sesuatu tempat waqaf berkait dengan kalimah selepasnya sama ada dari segi lafaz dan makna, tetapi ayatnya memberi maksud yang sempurna, maka waqaf tersebut merupakan waqaf hasan. Dibolehkan untuk berhenti bacaan tetapi perlu memulakan dengan mengulang balik beberapa kalimah sebelumnya yang sesuai dengan makna ayat. Namun jika tempat waqaf tersebut berada di akhir ayat, maka dibolehkan untuk berhenti bacaan dan memulakan pada kalimah seterusnya.
4. Jika sesuatu tempat waqaf berkait rapat dengan kalimah selepasnya sama ada dari segi lafaz dan makna sehingga ayatnya memberi maksud yang tidak sempurna, maka waqaf tersebut merupakan waqaf qabih. Tidak dibenarkan untuk berhenti bacaan dan memulakan pada kalimah seterusnya.
5. Jika sesuatu ayat mengandungi perbezaan qiraat yang mengubah lafaz dan makna ayat, maka tempat waqaf juga boleh berubah mengikut kesesuaian lafaz dan makna sesuatu qiraat.
6. Waqaf pada akhir ayat ialah sunnah Nabi SAW sama ada kalimah selepasnya berkait dengan sebelumnya dari segi lafaz dan makna atau tidak berkait.
7. Kesesuaian ibtidā' mengikut kesesuaian waqaf. Jika sesuatu tempat waqaf itu dibolehkan waqaf (w霎qaf tam, kafi dan hasan), maka memulakan (ibtidā') bacaan pada kalimah selepasnya juga dibolehkan kecuali waqaf hasan yang bukan pada akhir ayat. Jika sesuatu tempat yang tidak dibolehkan waqaf (w霎qaf qabih), maka ibtidā' selepasnya juga tidak dibolehkan.

Kaedah di atas mungkin terpakai kepada mereka yang mampu untuk berijtihad dalam menentukan tempat waqaf dan ibtidā'. Namun bagi golongan yang tidak mampu, terdapat beberapa saranan daripada penulis supaya tidak berlaku kesalahan dalam waqaf dan ibtidā':

1. Waqaf hanya pada akhir ayat dan pada simbol-simbol waqaf yang telah diletakkan oleh para ulama di dalam mushaf al-Quran.
2. Bagi ayat yang panjang dan tiada simbol waqaf, maka dibolehkan untuk pilih mana-mana tempat waqaf yang dirasakan sesuai. Namun perlu memulakan bacaan dengan mengulang balik beberapa kalimah sebelumnya yang sesuai dengan makna.
3. Membaca al-Quran secara bertalaqqi di hadapan guru al-Quran adalah lebih baik supaya dapat mempelajari kaedah umum dalam waqaf dan ibtidā'.
4. Mengikut tempat waqaf dan ibtidā' yang dibaca oleh qurra' yang masyhur seperti Sheikh Khalil al-Husari dan Sheikh Aiman Suwaid.
5. Menggunakan mushaf al-Quran yang dilengkapi dengan panduan waqaf dan ibtidā'.

## RUJUKAN

- Ahmad bin Hanbal. (2001). *Musnad Imam Ahmad bin Hanbal*. Muassasah al-Risalah.
- Al-Bukhari. (2001). *Sahih al-Bukhari*. Dar Tuq al-Najah.
- Al-Dāni, Abu 'Amru. (2001). *al-Muktaṣā fi al-Waqf wa al-Ibtida*. Dar 'Ammar.
- Al-Ghul, Muhammad Syahadat. (2002). *Bughyat 'Ibad al-Rahman li Tahqiq Tajwid al-Quran*. Dar Ibn 'Affan.
- Al-Hamad, Ghanim Qadduri. (2017). *Syarh al-Muqaddimah al-Jazariyyah*. Dar al-Gauthani.
- Al-Jazari. (1985). *al-Tamhid fi 'Ilm al-Tajwid* (1st ed.). Maktabah al-Ma'arif.
- Al-Jazari. (2014). *al-Nashr fi al-Qiraāt al-'Ashr*. Dar al-Fikr.
- Al-Marsafi, Abdul Fattah. (2008). *Hidayat al-Qari ila Tajwid Kalam al-Bari*. Dar Majd al-Islam.
- Al-Nahhās. (1992). *al-Qat'u wa al-Itināf*. Dar 'Ālim al-Kutub.
- Al-Nasaie. (1986). *Sunan al-Sughra al-Nasaie* (2nd ed.). Maktabah al-Matbu'at al-Islamiyyah.
- Al-Qari, Mulla 'Ali. (2012). *al-Minah al-Fikriyyah*. Dar al-Gauthani.
- Al-Sajawandi. (2001). *Al-Waqf wa al-Ibtida'*. Dar al-Manahij.
- Al-Tirmizi. (1975). *Sunan al-Tirmizi* (2nd ed.). Syirkah Maktabah wa Matba'ah Mustafa al-Babi al-Halbi.
- Salih, Abdul Karim. (2014). *al-Waqf wa al-Ibtida wa Silatuhuma bi al-Ma'na fi al-Quran al-Karim*. Dar al-Salam.
- Suwaid, Aimān Suwaid. (2019). *al-Tajwid al-Musawwar*. Dar al-Gauthani.